

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH AWAD 20 SEPTEMBER 2020

3

Nasional

Penularan COVID-19

Bakau kluster baharu di Semporna

20 kes jangkitan baharu, satu kematian dilaporkan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kluster Bakau di Semporna, Sabah, diisytiharkan sebagai kluster baharu COVID-19 dengan tiga kes positif direkodkan, setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes indeks kluster itu ialah seorang wanita warga Filipina (kes 10,145) yang juga kes kematian dilaporkan, kelmarin.

"Ujian saringan COVID-19 terhadap kes indeks didapati positif, Rabu lalu. Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan sebelum dua lagi individu dikesan positif."

"Dua kes positif itu membabitkan seorang rakyat tempatan dan seorang warga Filipina. Mereka dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham memaklumkan,

setakat jam 12 tengah hari semalam, pihaknya sudah melakukan ujian saringan terhadap 109 individu dalam kluster itu.

"Keputusan ujian saringan terbabit mendapati hingga kini, hanya tiga individu positif, manakala 106 lagi masih menunggu keputusan."

"Langkah pencegahan jangkitan, termasuk proses nyah kuman dan pembersihan sudah dijalankan di Hospital Semporna. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Selain Kluster Bakau, empat lagi kluster masih aktif di Sabah ialah Kluster Benteng Lahad Datu (LD), Kluster Pulau, Kluster Selamat dan Kluster Laut.

Dalam pada itu, negara merekodkan korban baharu COVID-19 dua hari berturut-turut dengan kes kematian ke-130, semalam, membabitkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 82 tahun.

Dr Noor Hisham berkata, mangsa (kes 9,578) ada latar belakang penyakit strok dan sukar bergerak sendiri sejak Mac lalu akibat patah tulang utama di kaki.

"Beliau mengalami gejala demam pada 4 September lalu, namun tidak mendapatkan rawatan."



20 jangkitan baharu dilaporkan, setakat jam 12 tengah hari semalam, meliputi 17 penularan tempatan dan tiga kes import dari New Zealand, Qatar serta India.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

"Pada 7 September lalu, beliau dikesan sebagai kontak rapat kepada anak dan cucunya adalah kes positif dalam Kluster Sungai (kes 9,458 dan 9,547) lalu dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah," katanya.

Susulan itu, beliau berkata, pi-

haknya sudah menjalankan ujian saringan COVID-19 ke atas lelaki terbabit pada 9 September lalu.

"Keadaan beliau merosot dan dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 5.45 petang semalam (kelmarin)," katanya.

Secara keseluruhan pula, Kedah mencatatkan angka jangkitan baharu yang tertinggi, semalam, iaitu sembilan kes membabitkan lapan dalam Kluster Sungai dan satu lagi dikesan ketika saringan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

Dr Noor Hisham berkata, ia adalah sebahagian daripada 20 jangkitan baharu dilaporkan, setakat jam 12 tengah hari semalam, meliputi 17 penularan tempatan dan tiga kes import dari New Zealand, Qatar serta India.

Beliau berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di negara ini 10,167 kes dengan 722 kes aktif.

"Sabah mencatatkan lapan kes baharu, iaitu tiga dikesan ketika saringan rujukan ke Hospital Tawau dari Hospital Semporna dan masing-masing satu kes saringan pesakit SARI di Hospital Tawau, saringan prapembedahan di Hospital Keningau, saringan komuniti di Tawau, Kluster Benteng LD serta Kluster Bakau," katanya.

Seramai 12 individu dirawat di ICU dengan dua memerlukan bantuan pernafasan, manakala 51 kes sembuh dilaporkan, semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya sebanyak 9,315 (91.62 peratus).

Malaysia sertai pelan bekalan vaksin

Kuala Lumpur: Malaysia akan menyertai pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, COVAX, bagi memperoleh sebahagian daripada bekalan vaksin yang diperlukan terhadap wabak itu.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ketika memaklumkan perkara berkenaan dalam satu kenyataan, semalam, berkata kerajaan sedang membincangkan terma penyertaan Malaysia dengan Pakatan Vaksin Global (GAVI) yang mengendalikannya COVAX.

"Kerajaan Malaysia juga sedang menyediakan perjanjian untuk menyertai Gabungan Bagi Inovasi Persediaan Epidemik (CEPI) dan perjanjian kerajaan dengan kerajaan (G2G) bersama Kerajaan China untuk mendapatkan akses kepada vaksin yang dibangunkan syarikat farmaseutikal di negara itu," katanya.

Menurut kenyataan itu

lagi, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan juga sudah menandatangani 'non-disclosure agreement' dengan beberapa syarikat farmaseutikal antarabangsa yang sedang menguji vaksin COVID-19 pada peringkat fasa ketiga, untuk berunding mengenai bekalan vaksin yang bakal mendapat kelulusan.

"Pendekatan menyertai COVAX, menjalinkan kerjasama

strategik bersama negara lain dan berunding terus dengan syarikat farmaseutikal itu akan memastikan Malaysia mendapat bekalan vaksin mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan," katanya.

Justeru, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, akan menyelaraskan

perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Laporan media sebelum ini memetik Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran, sebagai menggesa supaya Kementerian Kesihatan lebih telus dalam rancangan mendapatkan vaksin COVID-19 untuk negara ini.

MB Kedah, 55 individu negatif virus

Alor Setar: Semua sampel ujian saringan COVID-19 dijalankan terhadap 56 individu, termasuk Menteri Besar Kedah, Muhamamad Sanusi Md Nor, kelmarin, disahkan negatif.

Pejabat Menteri Besar memaklumkan, perkara itu disahkan oleh Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Mohd Fikri Ujang, semalam.

Katanya, ia termasuk ujian saringan ke atas tiga EXCO, iaitu Datuk Dr Mohd Hayati Othman, Datuk Mohd Najmi Ahmad dan Romani Wan Salim.

"Turut menjalani ujian ialah pegawai Pejabat Menteri Besar dan beberapa pimpinan PAS Kedah yang menghadiri program penyerahan sumbangan PAS Kedah kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah Kota Setar di Wisma Darul Aman, Isnin lalu.

"Namun sebagai langkah penjagaan diri, Dr Mohd Fikri mengingatkan semua individu, termasuk yang tinggal di luar kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran, supaya terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP), terutama memakai pelitup muka, mencuci tangan serta amalkan penjarakan fizikal," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH ARAB 20 SEPTEMBER 2020

5

Ubat perlu preskripsi dijual berleluasa

Mudah dibeli di farmasi, platform beli-belah dalam talian, laman web

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai jenis ubat-ubatan yang sepatutnya hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor; dikesan bukan saja boleh dibeli dengan mudah di farmasi, malah melalui platform beli-belah dalam talian atau laman web.

la menimbulkan persoalan bagaimana ubat yang disenaraikan dalam Kumpulan B mengikut Akta Racun 1952 itu boleh dijual sewenang-wenangnya tanpa preskripsi doktor; sekali gus turut mendedahkan pengguna kepada risiko keselamatan kesihatan.

Hasil tinjauan BH di beberapa farmasi sekitar ibu negara mendapati sebahagian daripada premis terbabit menjual ubat kategori berkenaan tanpa banyak soal dan pengguna hanya perlu maklumkan nama ubat sebelum membuat pembayaran.

Di beberapa farmasi, wartawan BH bertanya mengenai sejenis ubat tahan sakit, *Celecoxib* yang mengandungi *Non-Steroidal Anti-Inflammatory* dan dengan mudah memperolehnya daripada ahli farmasi di situ. Sebanyak 10 tablet *Celecoxib* dibeli di setiap farmasi yang dikunjungi pada harga keseluruhan RM18.

Pelbagai jenis antibiotik juga didapati mudah dibeli, termasuk secara dalam talian pada harga lingkungan RM18 hingga RM59 bagi 10 tablet, tidak termasuk kos penghantaran.

Wartawan BH turut berjaya membeli antibiotik jenis *Amoxicillin* dengan dos 500 milligram (mg) melalui satu portal beli-belah dalam talian tanpa banyak soal dan juga tanpa penjelasan terperinci mengenai cara pengambilan serta fungsi ubat berkenaan.

Ubat itu turut dijual di sebuah lagi platform beli-belah dalam talian secara pukal pada harga RM58 dengan perincian kegunaannya adalah untuk tahan sakit dan antibodi. Ada juga laman web mengiklankan antibiotik bagi merawat jangkitan *Gonorrhoea*, sejenis jangkitan penyakit kelamin.

Mengulas perkembangan itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran, mengakui bimbang dengan trend penjualan ubat preskripsi doktor secara berleluasa, malah pihaknya juga banyak menerima aduan mengenai isu itu.

"Kita bimbang kerana penjualan ubat-ubatan Kumpulan B sudah berleluasa dan kita juga sudah banyak kali adukan kepada Kementerian Kesihatan (KKM), namun dimaklumkan penguatkuasaan akan dibuat berdasarkan aduan diterima.

"Untuk itu kita memerlukan peranan orang ramai supaya melaporkan kepada KKM jika mengesan atau melalui situasi seperti itu," katanya sambil menambah, ubat atau racun dalam Kumpulan B yang dijual tanpa preskripsi doktor berisiko mendatangkan maut jika disalah guna atau diambil secara tanpa kawalan.

Beliau menegaskan, pengambilan ubat terbahit secara berterusan, antara lain boleh menyebabkan risiko kerosakan buah pinggang atau hati, sekali gus berupaya membawa kepada kematian.


Mengikut Akta Racun 1952, katanya, ada empat kategori ubat termasuk Kumpulan B yang menetapkan pesakit harus mendapatkan preskripsi doktor terlebih dahulu sebelum membeli ubat yang dikehendaki di farmasi.

"Antara ubat dalam kategori itu adalah semua jenis antibiotik, ubat darah tinggi, kencing manis, kolestrol, sesetengah ubat gastrik bagi mengurangkan asid dalam perut dan sesetengah ubat tahan sakit.

"Mengikut undang-undang, jika pesakit mahu mendapatkan ubat Kumpulan B, perlu ada pendaftaran nama, alamat pesakit dan klinik, dos ubat untuk tempoh berapa hari dan tandatangan doktor. Biasanya bagi setiap preskripsi, ia sah digunakan untuk dua kali isian semula.

"Contoh, preskripsi untuk pesakit membeli ubat pada September dan isian semula pada Oktober dan November," katanya.

Beliau berkata, pengambilan



Ubat kategori kumpulan B, Celecoxib yang dibeli di farmasi dengan harga RM18. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Antara peraturan Akta Racun 1952

» Ubat, racun Kumpulan B tidak boleh dijual, dibekalkan secara runcit kepada mana-mana orang, kecuali oleh pengamal perubatan berdaftar, doktor gigi berdaftar Bahagian I atau pegawai veterinar yang menjual atau membekalkan mengikut Seksyen 19.

» Boleh dijual oleh ahli farmasi berlesen sebagai ubat dikeluarkan atas preskripsi ditetapkan pengamal perubatan berdaftar, doktor gigi berdaftar atau pegawai veterinar dalam borang yang dikehendaki oleh Subseksyen (2).

» Setiap resep (preskripsi) untuk ubat, racun Kumpulan B yang ditentukan oleh pengamal perubatan, doktor gigi berdaftar, pegawai veterinar hendaklah bertulis, ditandatangani doktor dan dinyatakan alamat klinik serta nama, alamat pesakit.

» Turut perlu dinyatakan, jumlah ubat dibekalkan, dos serta berapa kali perlu diambil dengan tidak melebihi tiga kali.

» Tiada orang boleh menjual, membekalkan ubat, racun Kumpulan B secara runcit pada preskripsi yang tidak memenuhi semua syarat.

» Sesiapa didapati membekal, menjual ubat, racun Kumpulan B tanpa preskripsi boleh dihukum mengikut Seksyen 32 (2) Akta Racun 1952. Denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.



Antara ubat Kumpulan B selalu dibeli tanpa preskripsi

Kolestrol

- » Atorvastatin Calcium
- » Fenofibrate
- » Gemfibrozil
- » Lovastatin
- » Rosuvastatin



Darah tinggi

- » Captopril
- » Telmisartan
- » Valsartan



Cair darah

- » Clopidogrel



Gastritis

- » Lansoprazole
- » Omeprazole
- » Pantoprazole
- » Rabeprazole



Diabetes

- » Linagliptin



** Kolestrol, darah tinggi, kencing manis

» Pengambilan ubat tanpa pemeriksaan berkala boleh menyebabkan komplikasi seperti kerosakan hati, mata, jantung dan angin ahmar

** Antibiotik

» Penyalahgunaan boleh meningkatkan rintangan melawan bakteria.

** Ubat tahan sakit

» Tidak semua dalam Kumpulan B, namun salah guna ubat dalam Kumpulan C juga boleh mengakibatkan risiko buah pinggang rosak. Contoh ubat tahan sakit dalam Kumpulan C adalah 'Voltaren', 'Ibuprofen'

Ahli farmasi langgar peraturan kena tindakan

Kuala Lumpur: Semua ahli farmasi sepatutnya sudah maklum mengenai peraturan Akta Racun 1952 yang jelas menyatakan penjualan ubat dalam kategori Kumpulan B tanpa preskripsi doktor adalah satu kesalahan.

Sehubungan itu, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang, berkata ahli farmasi yang dikesan melanggar peraturan itu

perlu dikenakan tindakan mengikut undang-undang sedia ada.

"Undang-undang itu jelas dan kita (ahli farmasi) tahu mengenainya. Jadi, kalau mana-mana farmasi buat perkara itu, ia memang salah dan apabila perbuatan itu salah, maka perlu diambil tindakan mengikut undang-undang," katanya.

Beliau berkata, peraturan itu adalah antara syarat bagi mem-

bolehkan seseorang itu menjadi ahli farmasi dan sepatutnya hanya membekalkan ubat preskripsi untuk tempoh 24 jam sahaja, manakala bagi bekalan seterusnya, pesakit masih perlu mendapatkan preskripsi daripada doktor.

Mengenai tindakan sesetengah farmasi menjual ubat Kumpulan B tanpa preskripsi doktor, Amrahi berkata, setakat ini persatuan ber-

kean tidak menerima sebarang aduan secara rasmi daripada mana-mana pihak.

Sementara itu, beliau mencahkan kerajaan menguatkuasakan pengasingan tugas di antara klinik dan farmasi dengan doktor hanya berperanan memeriksa pesakit dan memberi preskripsi ubat, manakala farmasi pula menyediakan bekalan ubat-ubatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 **Negara!**



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! Ahad 20 SEPTEMBER 2020

Sebanyak 20 kes dicatatkan semalam dengan satu kematian

1 lagi kluster baharu di Sabah

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Satu lagi kluster baharu iaitu Kluster Bakau dikesan di Semporna, Sabah menjadikan lima kluster aktif dengan 577 kes positif di negeri itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 20 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam dengan dua daripadanya daripada Kluster Bakau.

Menurutnya, Kluster Bakau dikesan selepas satu kematian kes indeks kluster yang berusia 50 tahun dilaporkan kelmarin.


"Hasil saringan kes indeks di dapati positif pada 16 September dan susulan itu, saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua lagi kes positif dikenal pasti.

"Dua kes ini melibatkan seorang lelaki Malaysia berusia 46 tahun serta seorang lelaki warga Filipina berusia 40 tahun dan telah dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Berikutan itu, beliau berkata, sejumlah 109 individu telah disaring sehingga semalam dalam kluster tersebut dan 106 individu masih menunggu keputusan.

Noor Hisham berkata, satu lagi kes Kluster Benteng LD membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun iaitu kes generasi kedua menjadikan sebanyak 551 kes dalam kluster tersebut.

Katanya, enam lagi kes di Sabah ialah tiga kes saringan rujukan ke Hospital Tawau dari Hospital Semporna serta masing-masing satu kes bagi jangkai-



GELANG kuarantin terdiri daripada lima warna iaitu merah jambu, merah, putih, biru dan kuning.

tan pernafasan akut teruk (SARI) di Hospital Tawau, saringan prapembedahan di Hospital Keningau serta saringan komuniti di Tawau.

Mengulas lanjut, katanya, lapan kes baharu dilaporkan di Kluster Sungai di Kedah membabitkan tiga kes generasi kedua dan lima kes generasi keempat menjadikan jumlah kes positif sebanyak 73 kes.

"Satu lagi kes baharu di Kedah membabitkan kes SARI di Hospital Sultanah Bahiyah," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham memaklumkan, satu kes kematian iaitu ke-130 membabitkan lelaki tempatan berusia 82 tahun yang menghidap penyakit strok

serta sukar bergerak sendiri sejak Mac lepas akibat patah tulang utama di kaki.

"Mangsa mengalami gejala demam pada 4 September lalu, namun tidak mendapatkan rawatan dan telah dikesan sebagai kontak rapat kepada anak dan cucunya yang merupakan kes positif dalam Kluster Sungai pada 7 September lalu," ujarnya.

Jelasnya, lelaki itu dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah dan saringan Covid-19 di dapati positif pada 9 September.

"Keadaannya merosot dan dipindahkan ke unit rawatan rapi (ICU) sebelum disahkan meninggal dunia pada 18 September, pukul 5.45 petang," katanya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	20
• Import: 3 Tempatan: 17	
• Pulih	51
• Kematian	1
• Masih dirawat	722
• Jumlah kes sembuh	9,315
• Jumlah kematian	130
Jumlah kes keseluruhan	10,167

Sementara itu, Noor Hisham berkata, orang ramai perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya temampak individu yang memakai gelang kuarantin berwarna merah jambu, merah, putih, biru dan kuning di kawasan awam.

"Jika ada individu yang memakai gelang kuarantin berada di kawasan umum, ia perlu dilaporkan kepada pihak polis bagi melindungi masyarakat daripada risiko jangkitan," katanya di laman Twitter baru-baru ini.

Menurutnya, gelang kuarantin dipakaikan kepada individu di bawah pengawasan seperti kontak rapat kes positif, pengembara yang pulang dari luar negara atau individu berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco).

Malaysia sertai Covax, dapatkan vaksin Covid-19

PUTRAJAYA – Malaysia akan menyertai Covax atau Covid-19 Vaccine Global Access bagi mendapatkan sebahagian daripada bekalan vaksin yang diperlukan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam satu kenyataan semalam berkata, penyertaan itu bagi memastikan negara mendapat bekalan vaksin mencukupi pada kadar segera dengan harga yang berpatutan selepas ia terbukti selamat serta berkesan.

"Kerajaan juga sedang menyediakan perijinan bagi menyertai *Coalition for Epidemic and Preparedness Innovations (CEPI)* serta perijinan *government to government (G2G)* bersama kerajaan China untuk mendapatkan akses kepada vaksin yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat farmaseutikal di negara itu," katanya.

Menurutnya, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga telah menandatangani Non Disclosure Agreement dengan beberapa syarikat farmaseutikal antarabangsa yang sedang menguji vaksin Covid-19 di peringkat fasa ketiga untuk berunding bekalan vaksin yang bakal mendapat kelulusan.

268 kertas siasatan berita palsu dibuka

PUTRAJAYA – Sebanyak 268 kertas siasatan telah dibuka Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung berita palsu berkaitan Covid-19 sehingga semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 131 masih dalam siasatan, manakala 35 kes telah didakwa di mahkamah, 12 diberikan notis amaran, 16 dalam proses perbicaraan dan 19 telah menguak bersalah.

"Sebanyak 370 penafian dan penjelasan mengenai berita palsu telah diperjelaskan dalam usaha membendung penyebaran berita palsu berkaitan Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sebanyak 93 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan termasuk 33 membabitkan kesalahan tidak memakai pelitup muka.

Sanusi, 3 Exco negatif

ALOR SETAR – Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor dan tiga Exco Kerajaan Negeri Kedah yang menjalani ujian saringan Covid-19 di Wisma Darul Aman di sini kelmarin disahkan negatif wabak itu.

Tiga Exco terbabit ialah Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman, Datuk Mohd. Najmi Ahmad dan Romani Wan Salim.

Pejabat Menteri Besar Kedah dalam satu kenyataan memberitahu, keputusan ujian saringan itu disahkan Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Mohd. Fikri Ujang.

"Ujian saringan yang turut dilakukan ke atas seramai 52 lagi individu melibatkan pegawai Pejabat Menteri Besar Kedah dan

sebilangan pimpinan Pas negeri juga negatif," katanya.

Menurutnya, kesemua yang disaring hadir pada program penyerahan sumbangan Pas Kedah kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah Kota Setar di Wisma Darul Aman.

"Semua individu termasuk yang tinggal di luar kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," ujarnya.

Ujian saringan dilakukan berikutan seorang individu disahkan positif pada program yang dihadiri Muhammad Sanusi pada 14 September lalu.



MUHAMMAD SANUSI (tengah) bersama tiga exco, Mohd. Hayati (belakang), Mohd. Najmi (kanan) dan Romani (kiri).

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

14

20 SEPTEMBER 2020 • SINAR AHAD



MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster Bakau dikesan di Sabah

Tiga individu di Semporna sudah dijangkiti dalam kluster berkenaan setakat ini

KUALA LUMPUR

Satu lagi kluster baharu dilaporkan semalam iaitu Kluster Bakau di Semporna, Sabah dengan tiga kes dikesan positif coronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks kluster itu adalah seorang wanita warga Filipina (kes ke-10145) yang merupakan kes kematian ke-129 dilaporkan kelmarin.

"Saringan Covid-19 kes indeks didapati positif pada 16 September 2020. Saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua lagi kes positif Covid-19 bagi Kluster Bakau dikenal pasti melibatkan seorang warga tempatan dan seorang warga Filipina.

"Mereka telah dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 109 individu telah disaring bagi kluster tersebut dan langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman serta proses pembersihan telah dijalankan di



DR NOOR HISHAM

Hospital Semporna, manakala punca jangkitan masih dalam siasatan.

Mengenai perincian Kluster Sungai, Dr Noor Hisham berkata, terdapat lapan kes baharu di Kedah semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif kluster itu sebanyak 73 kes dengan seramai 23,935 individu disaring setakat jam 12 tengah hari.

Di Kedah, seramai 23,748 individu disaring dengan 72 kes positif termasuk lapan kes baharu dikesan semalam, sementara di Pulau Pinang, seramai 142 individu telah disaring dan Perlis, seramai 45 orang disaring dengan satu kes positif. - Bernama

20 kes baharu, satu kematian

KUALA LUMPUR - Sebanyak 20 kes baharu melibatkan 17 kes penularan tempatan dan satu kematian dilaporkan di Kedah semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif coronavirus (Covid-19) di Malaysia kini sebanyak 10,167 kes dengan 130 kematian, manakala kes aktif dengan kebolehjangkitan berjumlah 722 kes.

Menurutnya, bagi 17 kes penularan tempatan, sebanyak 14 kes melibatkan warga tempatan dan tiga kes bukan warganegara.

"Daripada 20 kes baharu, tiga adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara melibatkan dua warga tempatan dan satu bukan warganegara.

"Terdapat satu kes kema-

tian yang meninggal dunia pada jam 5.45 petang kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 130 kes," katanya dalam kenyataan semalam.


Beliau berkata, kes kematian ke-130 (kes ke-9578) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 82 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit strok serta sukar bergerak sendiri sejak Mac 2020 akibat patah tulang utama bahagian kaki.

"Dia mengalami gejala demam pada 4 September lalu, namun tidak mendapat rawatan. Pada 7 September, dia dikesan sebagai kontak rapat kepada anak dan cucunya yang merupakan kes positif dalam Kluster Sungai.

"Dia dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan didapati positif pada 9 September lalu," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia





JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	10,167	PULIH:	9,315	ICU:	12	KEMATIAN:	130	KES BAHARU:	+20
---------------------	--------	--------	-------	------	----	-----------	-----	-------------	-----

*Dikemas kini pada jam 6 petang 19 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,147 kes kepada 10,167 kes



AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 40

RUANGAN : NEGERI

HKL guna 300,000 pelitup muka sebulan

KUALA LUMPUR - Sebanyak 300,000 pelitup muka surgikal digunakan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) setiap bulan sejak penularan Covid-19.

Pengarah HKL, Datuk Dr Heric Coray berkata, hampir setiap hari pihaknya menerima sumbangan kelengkapan pakaian perlindungan diri (PPE) dan juga bekalan makanan daripada pihak luar terdiri termasuk swasta, badan bukan kerajaan dan orang awam.

Menurutnya, bekalan pelitup muka setakat ini mencukupi susulan jumlah kes Covid-19 yang dicatatkan di hospital berkenaan juga rendah.

"Pada waktu kemuncak Covid-19 sekitar April dan Mei lalu, pihak hospital menerima 700 pesakit di mana daripada jumlah itu, sebanyak 300 pesakit positif Covid-19, tetapi pada sekitar Jun dan Julai lalu, jumlah itu sudah mula menurun.

"Sekarang tiada pesakit Covid-19 ditempatkan di HKL memandangkan semua pesakit ditempatkan



Dr Heric (dua dari kiri) menerima kelengkapan PPE untuk kegunaan petugas HKL hasil sumbangan We Agro bersama rakan penaja lain.

ke Hospital Sungai Buloh sebagai pusat rawatan Covid-19," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau ditemui ketika menerima sumbangan PPE oleh Persatuan Usahawan Wanita dan Keusahawanan Agro (We Agro), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Royale Rich Resources dan Muslim Volunteer Malaysia (MVM) yang disempurnakan oleh Pengerusi PPIM, Datuk Nadzim Johan di HKL.

Dr Heric berkata, HKL masih menyediakan dua wad terdiri daripada 200 katil untuk persediaan sekiranya terdapat pesakit Covid-19 datang ke hospital itu.

"Buat masa ini Covid Mass Screening Area (CMSA) HKL masih menyediakan ujian Covid-19 yang berjalan selama 24 jam, jika terdapat pesakit yang disyaki Covid-19 kita akan masukkan ke dalam wad itu sebagai transit.

"Jika disahkan positif, mereka akan dihantar ke Hospital Sungai Buloh dan sekiranya negatif mereka dibenarkan keluar," katanya.

Sementara itu, Nadzim berkata, beliau menghargai kerjasama semua pihak terutamanya yang memberikan sumbangan PPE kepada petugas barisan hadapan.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

SEPTEMBER 20, 2020 • NewSundayTimes

Story of the day / NEWS

3

20 new Covid-19 cases, 1 more death

KUALA LUMPUR: The Health Ministry recorded one new Covid-19 fatality, and detected a new cluster, dubbed the Bakau cluster, in Semporna, Sabah, up to noon yesterday.

Its director-general, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, said the deceased, Case 9,578, was an 82-year-old local man who had a stroke and suffered immobility since March due to a broken bone in his leg.

"The man had a fever on Sept 4 and did not seek treatment.

"On Sept 7, he was tracked down as the close contact of his child and grandchild, who both were positive with Covid-19 from the Sungai Cluster (Cases 9,458 and 9,547), and was admitted to Sultanah Bahiyah Hospital in Kedah.

"He tested positive from a screening on Sept 9. His condition deteriorated and was transferred to the Intensive Care Unit (ICU). He was pronounced dead on Sept 18 at 5.45pm.

"The ministry would like to convey its condolences to the family members," he said.

The total cumulative death cases in the country now stood at 130 or 1.28 per cent.

On the Bakau cluster, Dr Noor Hisham said the cluster index was a woman from the Philippines (Case 10,145), who was the 129th Covid-19 death that was

reported to the Crisis Preparedness and Response Centre on Sept 18.

He said the Covid-19 screening on the index case was found to be positive on Sept 16 and following that, close-contact tracing was initiated and two new Covid-19 cases from the Bakau cluster were identified.

"These two new cases involve a Malaysian and a Philippine national. They have been admitted to Tawau Hospital for further treatment.

"Up to noon Sept 19, 109 individuals have been screened. From the screening, three people have tested positive while the other 106 are still waiting for the results.

"The cause of the infection is still under investigation. Sanitisation and disinfection processes are ongoing at Semporna Hospital," he said.

The ministry logged 20 new Covid-19 cases up to noon yesterday, which brings the tally to 10,167, with 722 active cases.

Dr Noor Hisham said of the 20, three were imported cases, involving two Malaysians and one non-Malaysian from New Zealand, Qatar and India.

He also said of the 17 local transmission cases, 14 involved Malaysians.

"There are nine cases in Kedah, eight of which are from the Sungai cluster and one from

a severe acute respiratory illness (SARI) case at Sultanah Bahiyah Hospital.

